PENANG

16 - 31 OGOS, 2026

PENANG 2030

PERCUMA

BULETIN MUTIARA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

Wajar terima pulangan pembangunan setimpal

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Pulau Pinang terus mencatat prestasi ekonomi yang memberangsangkan apabila kekal sebagai antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara dan destinasi pelaburan berdaya saing, meskipun berdepan ketidaktentuan ekonomi global serta landskap geopolitik yang semakin mencabar.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, prestasi pelaburan sektor pembuatan negeri kekal kukuh dengan jumlah pelaburan diluluskan bagi tempoh 2018 hingga suku pertama 2026 mencecah RM242.34 bilion, jauh mengatasi RM98.32 bilion yang direkodkan sepanjang tempoh 2008 hingga 2017.

"Bagi suku pertama 2026 sahaja, Pulau Pinang merekodkan pelaburan pembuatan berjumlah RM4.937 bilion melibatkan 99 projek yang diluluskan, sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri sebagai hab pelaburan dan pembuatan berteknologi tinggi," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Sambutan Ulang Tahun Rasmi Yang Dipertua Negeri (TYT) Tun Ramli Ngah Talib ke-85 di Dewan Sri Pinang di sini pada 11 Julai lalu.

Turut mengiringi, isteri kepada TYT, Yang Mulia Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah.



KETUA Menteri menyampaikan ucapan pada Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri sempena Sambutan Ulang Tahun Rasmi Yang Dipertua Pulau Pinang Ke-85 di Dewan Sri Pinang pada 11 Julai 2026.

Pada masa sama, Kon Yeow menegaskan bahawa Pulau Pinang wajar menerima pulangan pembangunan yang lebih seimbang daripada Kerajaan Persekutuan, selaras dengan sumbangan besar negeri ini kepada ekonomi negara.

Menurut beliau, permintaan tersebut bukan bertujuan mendapatkan layanan istimewa, sebaliknya bagi memastikan Pulau Pinang menerima pertimbangan yang sewajarnya agar agenda pembangunan negeri dapat diteruskan demi manfaat rakyat.

"Kita bukan meminta layanan istimewa, tetapi sekadar memohon pertimbangan yang sewajarnya supaya pelaksanaan projek serta penyediaan kemudahan awam dapat terus diperkukuh dan memberi manfaat kepada rakyat, khususnya pada peringkat akar umbi," jelasnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

> **"Kita bukan meminta layanan istimewa, tetapi sekadar memohon pertimbangan yang sewajarnya".**
>
> **- CHOW Kon Yeow.**

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa berdasarkan perkara yang dibangkitkan di Dewan Rakyat baru-baru ini, hanya Pulau Pinang dan Selangor menerima peruntukan pembangunan yang lebih rendah berbanding sumbangan kewangan kedua-dua negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

Walaupun demikian, menurut beliau, rakyat Pulau Pinang memahami dan menghormati prinsip Persekutuan serta mengiktiraf peranan setiap negeri dalam memastikan pentadbiran negara terus berjalan dengan lancar.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow memberitahu bahawa pencapaian Pulau Pinang sebagai antara penyumbang utama eksport negara serta penerima pelaburan asing dan domestik seharusnya diterjemahkan kepada peruntukan pembangunan yang lebih seimbang bagi mempertingkat kemudahan awam dan kesejahteraan rakyat.

• *Sambungan di muka 2.*

Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-69

Penuhi keperluan rakyat demi kesejahteraan

• *Sambungan dari muka 1.*

"Prestasi negeri ini bukan sekadar diukur berdasarkan angka, malah perlu diterjemahkan kepada pembangunan yang benar-benar dapat dirasai rakyat, termasuk komuniti setempat yang memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan serta kemajuan Pulau Pinang secara keseluruhannya," ulasnya lanjut.

Tambah Kon Yeow, selaras dengan aspirasi Visi Penang2030, Kerajaan Negeri akan terus mempercepat pelaksanaan pelbagai projek pembangunan strategik serta memastikan ia mengikut tempoh masa ditetapkan bagi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, peningkatan kesalinghubungan serta kesejahteraan rakyat.

"Antara projek berimpak tinggi yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri termasuk Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Mutiara, pembangunan Pulau Silikon, penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), pembinaan Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua serta Projek Kereta Kabel Bukit Bendera yang dijangka siap pada September 2027.

"Pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur utama ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menyediakan asas pembangunan yang lebih mampan, berdaya saing serta mampu memenuhi keperluan rakyat serta menyokong pertumbuhan ekonomi negeri pada masa hadapan.

"Kerajaan Negeri memahami bahawa pelaksanaan projek berskala besar berkenaan turut memberi kesan terhadap kelancaran lalu lintas serta rutin harian masyarakat.

"Sehubungan itu, pelbagai pendekatan akan terus diambil bagi memastikan pelaksanaan projek dapat dipercepatkan, di samping mengurangkan kesulitan yang dihadapi rakyat sepanjang tempoh pembinaan," ujarnya.

Kon Yeow dalam pada itu menyatakan bahawa selain memberi tumpuan kepada pembangunan ekonomi dan infrastruktur, Kerajaan Negeri turut memperkukuh agenda pengurusan sumber air, mitigasi banjir serta daya tahan iklim sebagai langkah memastikan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat terus terpelihara.

"Usaha berterusan ini selari dengan matlamat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan demi manfaat generasi kini serta akan datang," jelasnya.

Sebelum itu, Kon Yeow mewakili barisan pentadbiran Kerajaan Negeri serta seluruh rakyat Pulau Pinang menzahirkan dan memperbaharui ikrar taat setia kepada TYT, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong serta negara Malaysia.

Sementara itu, Tun Ramli merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Menteri atas ucapan tahniah dan lafaz taat setia yang dizahirkan bagi pihak Kerajaan Negeri serta seluruh rakyat Pulau Pinang.

Beliau juga menyambut baik komitmen yang dizahirkan Ketua Menteri berhubung pelaksanaan pelbagai inisiatif pembangunan, kesejahteraan rakyat dan kemajuan Pulau Pinang.

Beliau berharap segala iltizam tersebut akan terus diterjemahkan dengan penuh amanah, kebijaksanaan dan keikhlasan demi memastikan manfaatnya dapat dinikmati oleh seluruh rakyat negeri ini.

TUN Ramli Ngah Talib (tiga dari kiri) berkenan menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormatan sebagai sebahagian istiadat Sambutan Ulang Tahun Rasmi Yang Dipertua Pulau Pinang Ke-85 di Dataran Dewan Sri Pinang di sini.

> **"Pelaksanaan pelbagai projek infrastruktur utama mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri menyediakan asas pembangunan yang mampan dan memenuhi keperluan rakyat".**
>
> **- CHOW Kon Yeow.**

AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong sempat merakamkan momen bersahaja bersama-sama Ketua Menteri dan kenamaan lain sambil diperhatikan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Law Choo Kiang (belakang, kanan) pada Sambutan Ulang Tahun Rasmi Yang Dipertua Pulau Pinang Ke-85 di Dewan Sri Pinang baru-baru ini.

Pengiktirafan tertinggi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SIEW CHIA EN**

BAGI kebanyakan orang, barangan terpakai mungkin hanya dianggap sebagai sisa yang tidak lagi bernilai, namun di tangan Azizul Abdul Rahim selaku Penyelia Unit Upcycle Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), ia diolah menjadi produk kreatif yang bukan sahaja mendapat perhatian masyarakat tempatan, malah pernah dibawa pulang hingga ke Turkiye.

"Pada bulan Februari tahun lepas ketika pameran oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), isteri kepada Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdoğan, membawa pulang barangan *upcycle* hasil rekaan MBSP.

"Barangan yang dibawa pulang ke Turkiye adalah berupa kerusi tong dram, pasu tayar dan jam yang dihasilkan menggunakan tayar terpakai.

"Saya sangat berbangga kerana hasil rekaan Unit Upcycle MBSP berjaya menarik minat pemimpin bertaraf dunia," ujarnya.

Beliau yang ditemui sejurus menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) sempena Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang 2026 oleh Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Ramli Ngah Talib di sini 11 Julai lalu turut menzahirkan bahawa detik tersebut menjadi kenangan paling manis sepanjang 22 tahun berkhidmat bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Selain Azizul, beberapa kakitangan 3D *(dirty, dangerous and difficult)* MBSP lain turut menerima pengiktirafan sama.

(Dari kiri) MOHAMED Noor Ismail, Asmadi Ishak dan Mohamed Rasull Sultan berkongsi detik penuh bermakna bersama Jason H'ng Mooi Lye (dua dari kanan) dan A. Rajendran (kanan sekali) sambil memperagakan pingat kehormatan yang diterima selepas Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri di Dewan Sri Pinang baru-baru ini.

Mereka ialah Basri Haron; Shafizal Mahmud dan Mohd. Shamsil Shamsudin.

Manakala, bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pula, Asmadi Ishak; Mohamed Noor Ismail; Mohamed Rasull Sultan dan B. Pathmanathan.

Dalam pada itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jason H'ng Mooi Lye ketika bercakap kepada pemberita memberitahu bahawa penganugerahan tersebut merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap jasa, pengorbanan dan dedikasi warga kerja yang selama ini melaksanakan amanah dengan penuh komitmen.

"Sesungguhnya, kejayaan sesebuah organisasi bukan sahaja bergantung kepada kepimpinan yang berwibawa, malah turut didukung oleh komitmen, kesungguhan dan semangat kerja berpasukan seluruh warga kerja pada setiap peringkat.

"Penganugerahan diterima pada hari ini bukan sekadar lambang penghormatan, malah merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap nilai amanah, disiplin, kesetiaan, komitmen dan pengorbanan yang telah ditunjukkan pada peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) ditunjukkan sepanjang tempoh perkhidmatan di PBT," ujarnya.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ir. A. Rajendran pula menyifatkan penghargaan Kerajaan Negeri kepada pekerja-pekerja 3D adalah sesuatu yang amat wajar.

"Kita dapat melihat sendiri pengorbanan dan kerja keras mereka di lapangan setiap hari dalam memastikan Pulau Pinang kekal bersih, indah dan selesa untuk didiami masyarakat," jelasnya.

Sementara itu, Asmadi, Mohamed Noor dan Mohamed Rasull ketika ditemui turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menghargai jasa dan khidmat bakti mereka.

Mohamed Rasull berkata, tugas sebagai pekerja 3D ini memang mencabar malah kadang-kadang mereka terpaksa berdepan aduan yang tidak munasabah daripada segelintir pihak.

"Segala keringat dicurahkan untuk membersihkan kawasan, tetapi ada segelintir yang membuat aduan kononnya kami tidak buat kerja dan sebagainya, sedihlah apabila jadi macam itu," kongsinya.

Asmadi pula mengakui pernah berdepan cemuhan sepanjang menjalankan tugas, namun pengalaman itu tidak sedikit pun melemahkan semangatnya.

"Bahkan, ia menjadi pemangkin dan pembakar semangat untuk bekerja dengan lebih gigih dalam memenuhi tanggungjawab yang diamanahkan," ulasnya.

Sektor buah-buahan antara pemacu utama pertanian negeri

SUNGAI ACHEH - Sektor buah-buahan terus menjadi antara pemacu utama ekonomi pertanian Pulau Pinang apabila merekodkan nilai pengeluaran mencecah RM309.47 juta pada tahun 2025, sekali gus mengukuhkan kedudukan negeri ini sebagai antara pengeluar durian premium terbaik di Malaysia.

Seiring dengan perkembangan itu, Kerajaan Negeri bersama Kerajaan Persekutuan memperuntukkan RM14.533 juta bagi memperkasa sektor pertanian dan agromakanan Pulau Pinang sepanjang tahun 2026.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa peruntukan berkaitan adalah merangkumi RM6.37 juta di bawah peruntukan Pembangunan Negeri.

"Sebanyak RM2.23 juta diperuntukkan melalui pembangunan pertanian Kerajaan Persekutuan, serta tambahan RM5.933 juta melalui Program Pemerkasaan Agromakanan Negara (PPAN) di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan," ujarnya ketika berucap pada penganjuran Pesta Durian dan Pelancaran Road to Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) di sini 28 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Luar Bandar, Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Keusahawanan, Dato' Rashidi Zinol; Ketua Pengarah Pertanian Malaysia, Dato' Nor Sam Alwi; Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Mohd. Muhaimin Ibrahim dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Baderul Amin Abdul Hamid.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa pada tahun 2025, subsektor buah-buahan merekodkan pengeluaran sebanyak 30,947 tan metrik dengan nilai dianggarkan RM309.47 juta, sekali gus menjadi penyumbang terbesar kepada nilai pengeluaran tanaman negeri.

"Pencapaian ini membuktikan bahawa sektor buah-buahan terus menjadi antara pemacu utama ekonomi pertanian Pulau Pinang, malah sebagai antara pengeluar durian premium terbaik di Malaysia, Pulau Pinang turut mencatatkan peningkatan pengeluaran 'Raja Buah' tersebut.

"Pengeluaran durian negeri meningkat daripada 17,910 tan metrik pada tahun 2024 kepada 18,870 tan metrik pada tahun 2025, manakala keluasan tanaman berhasil dijangka meningkat kepada 2,220 hektar pada tahun 2026.

"Daerah Barat Daya, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan kekal sebagai kawasan utama pengeluaran durian yang terkenal dengan pelbagai klon premium berkualiti tinggi serta mendapat permintaan memberangsangkan dari dalam dan luar negara," jelasnya merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Kon Yeow dalam pada itu menyifatkan penganjuran Pesta Durian yang diadakan setiap tahun memainkan peranan penting dalam memperkukuh jenama durian Pulau Pinang, selain membuka peluang pasaran lebih luas kepada hasil pertanian tempatan serta meningkatkan pendapatan petani dan usahawan agro.

"Saya difahamkan bahawa pelbagai aktiviti menarik disusun sepanjang tiga hari program ini, antaranya pertandingan Durian Varieti Terbaik dan Durian Kampung Terbaik 2026, inovasi produk berasaskan durian, pameran teknologi pertanian serta jualan produk agro tempatan.

"Marilah kita terus berganding bahu memperkasa sektor pertanian negeri, yang mana saya yakin Pulau Pinang akan terus melakar kejayaan sebagai peneraju agromakanan dan pengeluar durian premium negara," katanya.

• *Rujuk juga muka 4 & 5.*

Perintis varieti durian, miliki sijil Halal

ISI berwarna keemasan, tekstur lembut dan rasa lemak manis menjadikan varieti *Musang King* kekal sebagai kegemaran dalam kalangan pencinta Raja Buah.

KEJAYAAN durian varieti Raja Kunyit dan Kulit Hijau muncul juara pada Pesta Durian Pulau Pinang 2026 baru-baru ini membuktikan bahawa pengalaman serta legasi penanaman durian secara turun-temurun terus menjadi kekuatan utama pengusaha Durian Kaki di Relau.

Bagi pengusaha durian generasi ketiga, **TAN CHEE KEAT**, 36, kemenangan tersebut bukan sekadar pengiktirafan terhadap kualiti buah, malah menjadi penghargaan kepada usaha keluarganya yang telah membangunkan kebun durian sejak beberapa dekad lalu.

"Keluarga kami bermula dengan kebun getah sebelum datuk mula menanam pokok durian kampung.

"Kemudian ayah saya, Tan Eow Chong, mengembangkan kebun ini sekitar tahun 1960-an dengan menghasilkan pelbagai varieti yang 'dikahwinkan'.

"Pada era 1980-an, ayah berjaya mendapatkan baka Raja Kunyit dari Kelantan untuk ditanam di sini sebelum menjalankan proses kacukan dengan pokok lain.

"Raja Kunyit milik keluarga kami juga pernah mendapat liputan akhbar antarabangsa, *The New York Times*.

"Saya pula mula serius membantu keluarga dalam perniagaan durian sejak berusia 18 tahun," ujarnya ketika ditemui wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFI** dan jurugambar, **SIEW CHIA EN** di premis Durian Kaki dekat sini pada 1 Julai lalu.



TAN Chee Keat (kiri) merakam detik kemenangan sambil mempamerkan durian varieti *Musang King* yang dinobatkan sebagai juara pada Pesta Durian di Sungai Acheh baru-baru ini.

Tambah Chee Keat, suatu ketika dahulu varieti yang kini dikenali sebagai *Musang King* lebih popular dengan nama 'Raja Kunyit', malah keluarganya merupakan antara perintis yang memperkenalkan varieti tersebut di Pulau Pinang.

"Dulu orang lebih mengenalinya sebagai Raja Kunyit.

"Ketika mula dibawa masuk, baka itu belum ada di Pulau Pinang, dan kami antara generasi terawal yang membangunkan varieti ini, atau boleh dikatakan 'bapa kepada bapa *Musang King*'," jelasnya.

Difahamkan, kebun keluarga di Balik Pulau kini meliputi lebih 40 hektar dengan kira-kira 200 pokok durian pelbagai varieti, termasuk Raja Kunyit, Kulit Hijau, *Hor Lor* dan Cenderawasih.

Menurut beliau, pokok durian yang berusia lebih 40 tahun lazimnya menghasilkan buah dengan isi lebih halus, kurang berserat serta mempunyai keseimbangan rasa yang lebih baik.

"Pokok yang matang biasanya menghasilkan buah yang lebih berkualiti.

"Sebab itu ada pokok *Musang King* kami yang ditanam sejak awal 1980-an masih mengeluarkan hasil yang sangat berkualiti sehingga hari ini," ulasnya lanjut.

Selain Raja Kunyit, seorang lagi wakil keluarga, **TAN CHEE WEI**, 42, turut membawa pulang gelaran juara bagi kategori Kulit Hijau.

Mengulas lanjut, Chee Keat memberitahu bahawa keluarganya juga pernah memenangi pelbagai pertandingan durian sejak penghujung 1990-an dan awal tahun 2000-an, sekali gus membuktikan konsistensi mereka dalam menghasilkan buah berkualiti tinggi.

"Pada waktu itu, buah kami turut menjadi pilihan mantan Yang Dipertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

"Kemenangan dalam pertandingan juga bergantung pada buah yang gugur pada masa yang tepat.

"Kebetulan buah terbaik gugur ketika musim pertandingan, jadi kami terus memilihnya untuk dihantar bagi tujuan penilaian.

"Selain di Pulau Pinang, durian dari dusun kami juga pernah memperoleh kedudukan yang baik dalam pertandingan di Kuala Lumpur," katanya.

Walau bagaimanapun, beliau tidak menafikan bahawa faktor pembungkusan dan tempoh penghantaran ke lokasi yang jauh menjadi kekangan utama untuk menyertai lebih banyak pertandingan di luar Pulau Pinang.

Mengulas mengenai penjagaan kebun, Chee Keat menyatakan bahawa pembajaan, sistem saliran dan kesihatan pokok memainkan peranan penting dalam memastikan kualiti buah sentiasa berada pada tahap terbaik.

"Kalau pokok terlalu lembap, ia mudah diserang penyakit seperti kanser batang.

"Kami turut menggunakan baja yang sesuai, termasuk baja berasaskan ikan, bagi memastikan pokok kekal subur.

"Baja semula jadi lebih baik yang mana pembajaan juga perlu mengikut peringkat pertumbuhan pokok.

"Musim baharu, musim berbunga dan ketika menguatkan pokok memerlukan jenis baja yang berbeza.

Jika tersalah menggunakan baja, hasil dan kualiti buah akan terjejas," kongsinya.

Dalam pada itu, Chee Keat memaklumkan bahawa sebahagian hasil durian keluarganya turut dieksport ke China, Australia dan New Zealand melalui rumah pembungkusan yang memiliki pensijilan halal serta mematuhi Amalan Pertanian Baik (GAP).

"Pensijilan halal bukan sahaja penting untuk pengguna Islam, malah meningkatkan keyakinan pembeli antarabangsa terhadap aspek kebersihan, keselamatan makanan dan pengurusan produk.

SELAIN *Musang King*, premis Durian Kaki turut menawarkan pelbagai varieti durian lain bagi memenuhi cita rasa pengunjung.

• *Sambungan di muka 14.*

Usia pokok tentukan kualiti buah

DURIAN varieti kampung keluaran *Organic Shengfa Garden* membuktikan keistimewaannya apabila dinobatkan sebagai Buah Durian Kampung Terbaik pada Pesta Durian Pulau Pinang 2026 yang berlangsung pada 28 Jun lalu.

Kejayaan tersebut menjadi kebanggaan buat *Organic Shengfa Garden* di Teluk Bahang (berhampiran Tropical Fruit Farm), sekali gus membuktikan bahawa durian kampung yang dijaga dengan rapi masih mampu diangkat berdiri setanding varieti komersial lain.

Menurut pekerja *Organic Shengfa Garden*, **QUAY CHEE LEONG**, beliau telah berkecimpung dalam bidang penanaman durian sejak 28 tahun lalu, dan kini menguruskan dusun milik keluarganya yang meliputi kira-kira 44 ekar di sekitar Balik Pulau.

"Kejayaan yang diraih merupakan penyertaan sulung kami dalam pertandingan ini selepas mengetahui mengenainya menerusi hebahan iklan dan kawan-kawan.

"Kami amat bersyukur kerana terus diumumkan sebagai pemenang Kategori Durian Kampung Terbaik pada penyertaan pertama ini.

"Pengiktirafan ini menjadi suntikan semangat untuk kami terus menghasilkan durian yang berkualiti," ujarnya ketika ditemu bual wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **LAW SUUN TING**.

Mengulas mengenai rahsia penghasilan durian berkualiti, Chee Leong memaklumkan bahawa mereka menggunakan baja organik yang dihasilkan sendiri menggunakan campuran kulit udang kering, ikan kering serta sisa buah-buahan yang diproses secara semula jadi.

"Selain itu, kami turut membina kolam di kawasan dusun bagi membantu mewujudkan ekosistem yang lebih seimbang untuk pertumbuhan pokok.

QUAY Chee Leong (tengah) bersama-sama rakannya menunjukkan antara varieti durian yang sering mendapat permintaan pelanggan.

"Selain durian kampung, *Organic Shengfa Garden* kini menanam lebih 20 varieti termasuk Udang Merah, *Hor Lor, Musang King*, D24, D13, D14 dan D12 atau lebih dikenali sebagai 'Tangkal Panjang' yang masih mendapat permintaan tinggi dalam kalangan penggemar buah ini.

"Pada masa sama, terdapat beberapa varieti eksklusif seperti *Black Pink Spade* dan *Golden Hor Lor* yang dijual pada harga antara RM100 hingga RM250 sekilogram bergantung kepada gred, namun varieti tersebut masih belum didaftarkan secara rasmi atas sebab-sebab tertentu," jelasnya.

Menyentuh mengenai durian kampung diangkat dalam pertandingan itu, Chee Leong memaklumkan terdapat enam pokok yang menghasilkan buah berkenaan, dengan sebahagian pokok berusia melebihi 60 tahun.

"Pokok yang lebih tua lazimnya menghasilkan buah yang mempunyai rasa lebih kompleks dan aroma yang lebih kuat.

UDANG Merah, *Musang King* dan *Black Thorn* antara varieti premium yang ada di sini.

PREMIS *Organic Shengfa Garden* yang terletak di Teluk Bahang turut menawarkan buah-buahan lokal lain bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

"Bagi kami, usia pokok memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti buah," kongsinya.

Tambah Chee Leong, tempoh matang buah juga berbeza mengikut varieti, dengan kebanyakan durian mengambil masa antara 90 hingga 100 hari sebelum gugur secara semula jadi.

Walau bagaimanapun, beliau memberitahu bahawa terdapat varieti tertentu seperti D604 yang hanya memerlukan kira-kira 84 hari, manakala *Golden Hor Lor* boleh mengambil masa sehingga 135 hari sebelum matang sepenuhnya.

Berat durian yang dihasilkan di dusunnya pula bermula sekitar 300 gram (g) sehingga mencecah enam kilogram (kg), namun kebanyakan buah berada dalam lingkungan satu hingga dua kilogram (kg).

Bagi memastikan hasil tanaman sentiasa terpelihara, kawasan dusun dipagar sepenuhnya serta dikawal oleh kira-kira 20 ekor anjing, manakala batang pokok dibalut dengan kepingan zink bagi menghalang gangguan tupai.

Melihat kepada sambutan pasaran yang terus memberangsangkan, Chee Leong berkata, pihaknya merancang memperluaskan kawasan penanaman serta menghantar lebih banyak penyertaan pada Pesta Durian Pulau Pinang tahun hadapan.

"Permintaan terhadap durian Balik Pulau sentiasa tinggi.

"Kami berharap dapat mengembangkan lagi dusun dan membawa lebih banyak penyertaan pada tahun depan bagi mempromosikan keunikan durian tempatan," katanya.

Kolca Evergreen

'hidupkan' semula warisan *Arabica Sujee*

NUR Shahida Abdul Araff menunjukkan *Arabica Sujee* yang dihasilkan menggunakan resipi warisan keluarganya.

KUIH *Arabica Sujee* dijual pada harga mampu milik bagi memperkenalkan semula pencuci mulut tradisional kepada generasi muda.

SELEPAS berjaya memperluas pasaran produk utama biskut Kolca, *Kolca Evergreen* kini tampil dengan satu lagi juadah warisan keluarga iaitu kuih *'Arabica Sujee'* atau lebih dikenali sebagai kuih suji.

Pemilik *Kolca Evergreen*, **NUR SHAHIDA ABDUL ARAFF**, 39, berkata bahawa penghasilan kuih tersebut merupakan usaha untuk memperkenal semula makanan tradisional yang semakin dilupakan khususnya dalam kalangan generasi muda.

Menurut beliau, kuih suji merupakan pencuci mulut yang cukup popular dalam kalangan masyarakat George Town atau dahulu dikenali sebagai Tanjung, namun kini semakin sukar ditemui.

"Kuih *'Arabica Sujee'* ini merupakan resipi keluarga yang diwarisi sejak turun-temurun, dan saya memilih untuk menghasilkannya kerana tidak ramai yang masih menjual kuih ini.

"Pada masa sama, saya mahu memperkenalkan semula makanan warisan ini kepada generasi muda supaya terus kekal dan tidak hilang ditelan zaman," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **LAW SUUN TING** ketika ditemui di premis perniagaan *Kolca Evergreen* dekat Taman Free School pada 25 Jun 2026.

Beliau menjelaskan bahawa kuih suji mempunyai tekstur lembut dan berkrim serta dihasilkan menggunakan bahan-bahan mudah diperoleh seperti tepung suji, minyak sapi, gula, susu, susu pekat manis, kismis, daun pandan dan sedikit perisa ros.

Menurutnya, kuih tersebut turut boleh dipelbagaikan dengan penggunaan bahan premium seperti kurma, ceri, kacang badam, kacang gajus dan pistasio mengikut cita rasa pelanggan.

Walau bagaimanapun, Nur Shahida memilih menggunakan ramuan asas bagi memastikan harga jualan kekal mampu milik.

"Jika menggunakan bahan premium, harganya mungkin boleh mencecah RM10 sebekas.

"Jadi saya memilih bahan asas, tetapi tetap mengekalkan rasa asli dan tekstur yang lembut serta berkrim," jelasnya.

Kini, kuih *'Arabica Sujee'* dijual pada harga RM4 sebekas, manakala tempahan khas dengan bahan tambahan istimewa ditawarkan pada harga berbeza.

Menurut Nur Shahida, sambutan terhadap kuih tersebut semakin menggalakkan walaupun ramai pelanggan pada awalnya tidak mengenali juadah berkenaan.

"Apabila mereka mencuba buat kali pertama, kebanyakan pelanggan memberikan maklum balas positif dan menyatakan rasanya sangat sedap.

"Selepas hampir setahun diperkenalkan, permintaan daripada masyarakat setempat semakin meningkat," ujarnya.

Beliau menyatakan bahawa kuih suji hanya mampu bertahan selama dua hingga tiga hari jika disimpan di dalam peti sejuk kerana ia merupakan makanan sedia dimakan tanpa bahan pengawet.

Keadaan itu menyebabkan pemasarannya ketika ini tertumpu di sekitar Gelugor dan kawasan berhampiran.

Dalam sehari, *Kolca Evergreen* menghasilkan kira-kira 20 bekas kuih suji dan kebanyakannya habis dijual pada hari yang sama.

Selain dipasarkan melalui premis vendor, tempahan turut diterima menerusi aplikasi *WhatsApp* dan platform media sosial seperti *TikTok* dengan penghantaran menggunakan perkhidmatan *Lalamove*.

"Kuih suji sesuai dinikmati oleh semua lapisan umur kerana teksturnya yang lembut dan berkrim.

"Permintaannya juga tidak bermusim berbanding biskut kolca yang biasanya mendapat sambutan tinggi ketika musim perayaan," ulasnya lanjut.

Mengulas perkembangan perniagaannya, Nur Shahida memberitahu bahawa beliau mula menghasilkan produk kolca dari rumah kira-kira sembilan tahun lalu dengan bantuan ahli keluarga sebelum menyewa premis di Taman Free School sejak setahun lalu.

Tambah beliau, penglibatan dalam program *People Centric @Penang* anjuran Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) menjadi titik tolak perkembangan perniagaannya.

Selepas menamatkan program tersebut, beliau menerima bantuan peralatan termasuk dapur, mesin pengadun, dulang industri serta geran bernilai RM4,000 bagi membantu meningkatkan pengeluaran.

Kini, beliau turut memohon bantuan peralatan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memperkukuh lagi kapasiti pengeluaran.

Dalam pada itu, Nur Shahida menyatakan bahawa beliau sedang mengikuti kursus halal dan berharap produk biskut kolca memperoleh Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun hadapan.

Menurutnya, pensijilan tersebut penting bagi membolehkan produk dipasarkan secara lebih meluas termasuk di rangkaian pasar raya besar.

Bagi kuih *'Arabica Sujee'* pula, beliau merancang menggunakan teknologi *retort* bagi memanjangkan jangka hayat produk dan membolehkan ia dipasarkan ke seluruh Pulau Pinang termasuk Seberang Perai.

Selain itu, Nur Shahida turut memasang impian untuk menjadi tenaga pengajar serta menganjurkan kursus berkaitan penyediaan makanan warisan keluarga.

Selain biskut kolca dan kuih *'Arabica Sujee'*, *Kolca Evergreen* turut menghasilkan pelbagai pencuci mulut lain seperti puding karamel dan sagu gula Melaka.

Orang ramai yang berminat boleh membuat tempahan menerusi talian 017-575 1051 atau melalui platform *Facebook* dan *TikTok Kolca Evergreen*.

BISKUT kolca yang rangup dan berperisa autentik terus menjadi pilihan pelanggan tempatan.

Tabah demi masa depan anak

SEORANG ibu tunggal berusia 44 tahun, **N. CHITRA**, membuktikan bahawa kecekalan dan kesungguhan mampu mengubah kehidupan apabila berjaya mengembangkan perniagaan daripada sebuah khemah kecil di tepi jalan kepada sebuah trak makanan yang kini menjadi tumpuan pelanggan di Taman Bagan.

"Dulu, saya berniaga di bawah khemah kecil tepi jalan memang ada 'masalah', saya mendapatkan lesen termasuk trak makanan untuk terus berniaga di sini (Taman Bagan)," ujarnya ketika mengimbau kembali detik awal penghijrahan perniagaannya yang bermula sejak 11 tahun lalu demi menyara keluarga selepas suaminya jatuh sakit.

Dalam sesi temu bual bersama wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **MUHAMMAD IQBAL HAMDAN**, Chitra menyatakan bahawa fasa awal perniagaannya menuntut pengorbanan yang besar apabila beliau terpaksa membahagikan masa antara tugas di kilang dan menguruskan jualan di tepi jalan.

Namun, beliau akhirnya mengambil keputusan nekad untuk berhenti kerja bagi memberi tumpuan sepenuhnya kepada dunia perniagaan.

Meskipun pemergian suaminya empat tahun lalu memberi tamparan yang hebat, Chitra tetap tabah meneruskan kehidupan demi masa depan anak tunggalnya yang kini berusia 21 tahun dan telah berjaya menamatkan pengajian peringkat universiti.

Bercerita lanjut, beliau memberitahu bahawa tiada rahsia istimewa untuk mengekalkan sokongan pelanggan setia di trak makanan yang beroperasi setiap hari dari pukul 11.30 pagi hingga 10 malam.

Menurutnya, nasi pandan bersama ayam goreng berempah kekal menjadi menu utama yang paling mendapat sambutan, selain merupakan resipi warisan mendiang ibunya.

Selain itu, Chitra turut menawarkan pelbagai menu lain yang menjadi kegemaran pelanggan, antaranya *chittu pani puri*, cendol, ais kacang dan burger ayam.

"Dalam masa terdekat, ada satu lagi menu baharu iaitu *'veggie burger'* kerana ada permintaan daripada pelanggan," jelasnya dalam nada sederhana.

Di sebalik kegigihan memenuhi cita rasa pelanggan, Chitra mengakui cabaran sebagai peniaga makanan kecil di tepi jalan sentiasa ada.

N. Chitra membuktikan bahawa ketabahan seorang ibu tunggal mampu mengembangkan perniagaan yang diusahakan.

"Pasca pandemik COVID-19 memang ada penyusutan hasil jualan kasar harian (yang mana), secara purata setiap hari saya dapat sekitar RM300 sahaja.

"Kalau sebelum pandemik COVID-19, saya berniaga enam hari seminggu, kini saya terpaksa berniaga setiap hari sehingga 10 malam bagi meningkatkan hasil jualan kasar, baru berbaloi termasuk membayar upah seorang pekerja di sini," ujarnya sambil memaklumkan bahawa semua makanan yang dijual adalah 'mesra Muslim'.

Demi memastikan kelangsungan ekonomi serta membuka peluang pekerjaan kepada komuniti setempat, Chitra memberitahu bahawa beliau lebih memilih untuk berdikari dan mengembangkan perniagaannya secara berperingkat.

Mengakhiri perbualan, wanita cekal itu berkongsi impiannya untuk terus mengembangkan perniagaan dengan memperkenalkan konsep trak minuman teh pada masa hadapan.

"Walaupun ada banyak kekangan, saya memang ada memasang impian untuk mengembangkan perniagaan di atas trak makanan ini dengan turut menyajikan minuman teh yang pelbagai rasa, seperti teh masala.

"Di luar sana, kepada peniaga khususnya ibu tunggal yang masih bergelut hidup bagi memperbaiki kedudukan kewangan keluarga, kita tidak perlu putus asa dan mesti terus cekal setiap hari dengan membuka khemah niaga walaupun semasa hujan," titipnya sebagai pesanan buat seluruh ibu tunggal agar sentiasa tabah dan kental mendepani ujian hidup.

TRAK makanan di Taman Bagan menawarkan pelbagai menu yang menjadi pilihan pelanggan setempat.

BERPAUT PADA MAYAT

antara situasi getir tawan puncak Everest

BUKAN mudah bagi seseorang yang mempunyai koleksi penuh nilai sentimental serta berkait rapat dengan minat dan perjalanan hidupnya untuk menyerahkan khazanah tersebut kepada pihak lain.

Namun, itu yang dilakukan oleh anak kelahiran Balik Pulau, **MUHAMMAD ILLAHAM ISHAK** atau senang disapa sebagai 'Pak Am' yang telah menyerahkan peralatan yang pernah digunakannya ketika menawan puncak Gunung Everest kepada Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.

Peralatan pendakian bernilai kira-kira RM10,000 itu diserahkan oleh Muhammad Illaham kepada Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang (LMNPP), Haryany Mohamad sambil disaksikan oleh Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik pada 8 Julai lalu.

Antara kelengkapan yang disumbangkan adalah *summit suit, summit boots*, sarung tangan pendakian, *ice axe*, topi keledar pendakian dan beberapa lagi peralatan yang pernah digunakan sepanjang ekspedisi menawan gunung tertinggi dunia itu.

Menurut Muhammad Illaham, penyerahan peralatan tersebut bertujuan memastikan pengalaman dan sejarah pendakiannya terus dipelihara, di samping menjadi pembakar semangat kepada golongan muda untuk berani mengejar impian.

"Paling penting, orang ramai boleh tahu bahawa anak Pulau Pinang khususnya anak Melayu negeri ini pernah sampai ke puncak tertinggi di dunia.

"Saya berharap koleksi ini dapat menjadi inspirasi kepada generasi hari ini dan akan datang bahawa tiada kejayaan yang hadir tanpa kesungguhan, disiplin dan pengorbanan.

"Walaupun saya pernah kehilangan beberapa jari ketika ekspedisi di Gunung Denali, Alaska pada tahun 2024, itu tidak pernah mematahkan semangat saya untuk terus mendaki dan meneruskan minat dalam bidang ini," ujarnya ketika dihubungi wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI**.

Ditanya mengenai perasaannya selepas menyerahkan koleksi berkenaan, Muhammad Illaham mengakui timbul rasa sedih kerana setiap peralatan tersebut menyimpan pelbagai kenangan sepanjang pengembaraannya.

"Setiap apa yang kita miliki di dunia ini hanyalah sementara.

"Sekiranya kelengkapan ini dapat mencetuskan inspirasi dan semangat 'Malaysia Boleh' dalam kalangan anak bangsa untuk berjuang dan menempa nama di persada dunia, maka penyerahan ini adalah lebih bermakna.

"Saya percaya ini juga adalah impian Allahyarham Muhammad Hawari Hashim yang merupakan sahabat pendaki saya yang juga telah sampai di puncak Gunung Everest untuk berkongsi pengalaman ini kepada rakyat Malaysia.

"Memang agak berat untuk saya menyerahkan peralatan ini, namun saya berpandangan ia lebih selamat sekiranya berada di bawah jagaan LMNPP," ujarnya yang turut meminati aktiviti bermotosikal merentasi pelbagai negara.

DITEMANI ahli keluarga dan rakan-rakan, Muhammad Illaham Ishak (lima dari kiri) menyerahkan koleksi peralatan pendakian peribadinya kepada Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang yang diwakili Pengarahnya, Haryany Mohamad (depan, dua dari kanan), sambil disaksikan Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik (berkemeja biru) pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Detik paling mencabar

Mengimbau kembali perjalanan menawan puncak Everest, Muhammad Illaham memberitahu bahawa beliau berjaya mengibarkan Jalur Gemilang dan bendera Pulau Pinang pada jam 10.30 pagi waktu tempatan, tanggal 21 Mei 2013 dalam misi *World Seven Summits*.

"Detik paling sukar semasa pendakian Everest adalah tragedi di *Hillary Step* yang mana saya hampir terjatuh dari ketinggian 8,800 meter ke bawah dengan kedalaman dua kilometer (km) ketika bergerak dari *Camp 4*.

"Selain laluannya yang sangat curam dengan cerun hampir 80 darjah, pendakian menjadi lebih mencabar kerana permukaan berbatu serta sempit dan sedikit kesilapan boleh mengundang padah.

"Saya juga pernah terpaksa mengaitkan *karabiner* pada tali yang melalui jasad seorang pendaki yang terkorban kerana mayat tersebut merintangi laluan, pengalaman itu benar-benar mengingatkan saya supaya sentiasa berhati-hati.

"Di samping itu, keadaan oksigen yang 'nipis' juga berisiko meragut nyawa pada bila-bila masa termasuk cuaca ekstrem," ujanya mengimbau pengalaman ketika menyertai misi menawan puncak Everest.

Selain Gunung Everest, Muhammad Illaham turut berjaya menawan beberapa puncak terkenal dunia seperti Gunung Elbrus, Gunung Kilimanjaro, Gunung Kosciuszko, *Carstensz Pyramid*, Gunung Denali, Gunung Aconcagua, Gunung Esja di Iceland, *Mont Blanc* dan *Stok Kangri*.

Di Malaysia pula, beliau bersama pasukan berjaya menawan 14 puncak gunung dalam masa 87 hari.

Pada Mei lalu, Muhammad Illaham juga sempat ke Mardi Himal, Nepal sebagai pendakian *recovery* iaitu persediaan untuk misi seterusnya.

Misi terakhir *World Seven Summits*

Menutup bicara, Muhammad Illaham yang juga Presiden Kelab Jelajah Alpine Malaysia berkata, beliau masih menyimpan satu impian besar yang belum tercapai, iaitu menawan *Vinson Massif*, puncak tertinggi di Antartika yang berketinggian 4,892 meter (16,050 kaki).

Menurutnya, jika berjaya menamatkan ekspedisi tersebut, beliau akan melengkapkan cabaran *World Seven Summits*, iaitu menawan puncak tertinggi di setiap benua.

"Pendakian ini tertangguh kerana memerlukan kos kira-kira USD40,000 bagi menampung logistik serta operasi ekspedisi di Antartika.

"Cabaran paling getir untuk gunung ini adalah bentuk muka bumi, cuaca sejuk ekstrem dan kos perbelanjaan yang tinggi.

"Saya masih berusaha semoga Pulau Pinang menempa nama di persada dunia bukan sahaja berjaya ke puncak Everest, tetapi juga mempunyai pendaki *World Seven Summit*, insyaAllah," ujarnya.

Difahamkan, anak perempuan beliau, Sara Sofea Muhammad Illaham, merupakan antara remaja termuda Malaysia yang berjaya menawan Gunung Elbrus, iaitu puncak tertinggi di Eropah, pada tahun 2019 ketika berusia 16 tahun.

PERALATAN pendakian yang pernah digunakan Muhammad Illaham Ishak kini dipelihara sebagai koleksi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang.

ANTARA momen terindah apabila lima pendaki dari Kelab Jelajah Alpine termasuk Muhammad Illaham Ishak berjaya menawan puncak Gunung Elbrus, Rusia yang diiktiraf sebagai gunung tertinggi di benua Eropah.

MUHAMMAD Illaham Ishak mengibarkan Jalur Gemilang dalam misi *World Seven Summits*.

Jejak Everest anak jati Balik Pulau diabadikan

GEORGE TOWN – Peralatan yang pernah digunakan untuk menawan puncak Gunung Everest oleh anak jati Balik Pulau, Muhammad Illaham Ishak kini menjadi sebahagian daripada koleksi Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang sebagai usaha mengabadikan sejarah pencapaian rakyat negeri ini, sekali gus menyemarakkan inspirasi kepada generasi akan datang.

Peralatan pendakian bernilai kira-kira RM10,000 itu diserahkan oleh Muhammad Illaham kepada Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryany Mohamad pada satu majlis yang berlangsung di Galeri Automotif, Muzium Negeri Pulau Pinang di sini pada 4 Julai lalu.

Majlis tersebut turut disaksikan oleh Ahli Parlimen Balik Pulau, Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Menurut Muhammad Illaham, penyerahan peralatan tersebut bertujuan memastikan pengalaman dan sejarah pendakiannya terus dipelihara, di samping menjadi pembakar semangat kepada golongan muda untuk berani mengejar impian.

"Saya berharap koleksi ini dapat menjadi inspirasi kepada generasi hari ini dan akan datang bahawa tiada kejayaan yang hadir tanpa kesungguhan, disiplin dan pengorbanan.

"Walaupun saya pernah kehilangan beberapa jari ketika ekspedisi di Gunung Denali, Alaska pada tahun 2024, ia tidak pernah mematahkan semangat saya untuk terus mendaki dan meneruskan minat dalam bidang ini," ujarnya pada majlis berkaitan.

Anak jati Balik Pulau yang kini menetap di Selangor itu pernah menawan Gunung Everest sebanyak dua kali iaitu menerusi laluan Tibet pada tahun 2011 dan laluan Nepal (2013).

